



KEMENTERIAN PENDIDIKAN

SIARAN MEDIA

SURAT SETUJU TERIMA (SST) DISERAHKAN KEPADA KONTRAKTOR BAGI PEMBINAAN BILIK DARJAH TAMBAHAN IBS DAN DEWAN SERBA GUNA TERBUKA BERBUMBUNG

KUALA LUMPUR, 2 APRIL - Menteri Pendidikan, Fadhlina Sidek telah hadir di Majlis Penyerahan Surat Setuju Terima (SST) Perdana Projek Langkah Segera RMK13 RP1 Cawangan Kerja Pendidikan Tahun 2026 di Kementerian Kerja Raya (KKR) pada hari ini.

Pada majlis ini, SST telah diserahkan kepada 70 kontraktor yang layak untuk melaksanakan projek pembinaan bilik darjah tambahan *Industrialised Building System* (IBS) di 50 buah sekolah. 47 kontraktor turut menerima SST bagi projek pembinaan 47 dewan serba guna terbuka berbumbung.

Menurut Fadhlina, Kementerian Pendidikan (KPM) berkerjasama erat dengan KKR memastikan pembinaan projek pendidikan di seluruh negara berjalan lancar demi manfaat murid, guru dan seluruh masyarakat.

"Tumpuan Kerajaan MADANI adalah untuk memastikan prasarana pendidikan yang kondusif di semua sekolah seluruh negara. Pembinaan bilik darjah tambahan IBS dapat menangani isu sekolah padat, manakala dewan serba guna terbuka berbumbung pula dapat memberi keselesaan kepada warga sekolah untuk melaksanakan aktiviti."

"Akses berkualiti dapat meningkatkan pengajaran dan pembelajaran, sekaligus memacu kecemerlangan pendidikan," tambah Fadhlina.

Majlis yang berlangsung pada hari ini turut dihadiri oleh Timbalan Menteri Kerja Raya, Datuk Seri Dr. Haji Ahmad bin Haji Maslan.

TAMAT

**Dikeluarkan oleh:
PEJABAT MENTERI PENDIDIKAN**

Gambar boleh didapati dipautan berikut:

<https://drive.google.com/drive/folders/1VfSrNaOVmFCMpBTiFS6AXcx47ItXTLIU>